

D439

U B919 BAH

PENCALONAN

KUALA LUMPUR, 23 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGETUAI PARA PEMIMPIN PARTI POLITIK MENINGGALKAN IBU NEGARA BERAMAI-RAMAI HARI INI UNTUK BERSIAP SEDIA BAGI PENAMAAN CALON ESOK.

PERDANA MENTERI DAN TIMBALANNYA ENCIK GHAFAR BABA MASING-MASING PULANG KE KEDAH DAN MELAKA APABILA MEREKA AKAN MENYERAHKAN KERTAS PENCALONAN BAGI BERTANDING PADA PILIHAN RAYA UMUM 3 OGOS INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR AKAN MEMPERTAHANKAN KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU MANAKALA ENCIK GHAFAR PULA BERTANDING SEKALI LAGI DI KERUSI PARLIMEN JASIN.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO AKAN MENGEMUKAKAN KERTAS PENCALONANNYA DI BILIK GERAKAN PEJABAT DAERAH KUBANG PASU, JITRA SEMENTARA ENCIK GHAFAR, SALAH SEORANG NAIB PRESIDEN UMNO DI BILIK GERAKAN MAJLIS DAERAH JASIN.

KECUALI SEORANG MENTERI, DUA ORANG TIMBALAN MENTERI DAN SEORANG MENTERI BESAR, PARA ANGGOTA KABINET YANG LAIN, PARA TIMBALAN MENTERI SERTA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI JUGA DIJANGKA DICALONKAN. --
LAGI

1704MST 23 07 86

D441

U B921 BAH

PENCALONAN 2 KUALA LUMPUR

MENTERI KESIHATAN DATUK MAH HON KAM SAH TIDAK AKAN BERTANDING KALI INI. BEGITU JUGA DENGAN TIMBALAN MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS HAJI. ABDUL RAHIM BAKAR DAN TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK DR TAN TIONG HONG.

MENTERI BESAR PERLIS DATUK HAJI ALI AHMAD MERUPAKAN SATU-SATUNYA KETUA KERAJAAN NEGERI YANG DIGUGURKAN PADA PILIHAN RAYA INI.

KETUA MENTERI MELAKA DATUK SERI RAHIM THAMBY CHIK DAN KETUA MENTERI PULAU PINANG DR LIM CHONG EU SERTA PARA MENTERI BESAR YANG LAIN KECUALI PAHANG DAN JOHOR AKAN TERUS MENGEKALKAN KEDUDUKAN MEREKA.

MENTERI BESAR PAHANG DATUK SERI HAJI NAJIB TUN RAZAK BERTUKAR TEMPAT DARIPADA KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI KEPADA PARLIMEN. BESAR KEMUNGKINAN TEMPAT BELIAU AKAN DIAMBIL ALIH OLEH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK KHALIL YAAKOB.

SEORANG LAGI MENTERI BESAR YANG DITARIK KEPADA PERINGKAT PUSAT IALAH DATUK AJIB AHMAD DARI JOHOR.

TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN HAJI MUHYIDDIN YASSIN DISEBUT-SEBUT AKAN MENGISI KEKOSONGAN ITU. -- LAGI

1708MST 23 07 86

D444

U B924 BAH

PENCALONAN 3 KUALA LUMPUR

SETAKAT INI TIGA ORANG PEMIMPIN KANAN PARTI SAHAJA YANG MENGESAHKAN TIDAK AKAN BERTANDING KALI INI. MEREKA TERDIRI DARIPADA PRESIDEN BERJASA, DATUK HAJI WAN HASHIM HAJI WAN AHMAD, NAIB PRESIDEN GERAKAN DATUK MICHAEL CHEN DAN PRESIDEN DAN PENGASAS PARTI DEMOKRASI INDIA MALAYSIA (DMIP) ENCIK V. GOVINDARAJ.

PARTI BERJASA BARU-BARU INI MENGUMUMKAN TIDAK AKAN MENYERTAI PILIHAN RAYA UMUM SEBAGAI MEMBANTAH PENERIMAAN HAMIM MENGANGGOTAI BARISAN NASIONAL. PARTI DMIP JUGA MENGAMBIL KEPUTUSAN TIDAK AKAN BERTANDING KALI INI.

YANG DIPERTUA AGUNG PAS HAJI YUSOF RAWA DIKATAKAN AKAN BERTANDING MEREKUT KAWASAN PARLIMEN TASIK GLUGOR DI PULAU PINANG SEMENTARA PRESIDEN HAMIM DATUK HAJI ASRI MUDA SEHINGGA INI BELUM MEMBAYANGKAN SAMA ADA AKAN BERTANDING ATAU PUN TIDAK.

BAGAIMANAPUN, ADA DI KALANGAN PEMIMPIN PARTI YANG TERUS BERADA DI IBU KOTA KERANA MEREKA DIJANGKA BERTANDING MEREKUT KERUSI PARLIMEN DAN NEGERI DI WILAYAH PERSEKUTUAN ATAU PUN SELANGOR.

TOKOH-TOKOH ITU TERMASUKLAH PRESIDEN SDP ENCIK AHMAD NOR, TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG DAP ENCIK LEE LAM THYE DAN PRESIDEN NASMA RAJA DATUK NASRON ISHAK. -- LAGI.

1714MST 23 07 86

D446

U B925 BAH

PENCALONAN 4 KUALA LUMPUR

ENCIK AHMAD NOR, BEKAS PRESIDEN CUEPACS MENGESAHKAN BAHAWA BELIAU AKAN BERTANDING BAGI MEREKUT KERUSI PARLIMEN LEMBAH PANTAI DAN KERUSI DEWAN NEGERI KELANA JAYA.

RAJA DATUK NASRON SAH AKAN BERTANDING DI KAWASAN NEGERI SERI CAHAYA MANAKALA ENCIK LEE, BEKAS ANGGOTA PARLIMEN BUKIT BINTANG (DAHULUNYA KUALA LUMPUR BANDAR) BELUM LAGI MEMBUAT KEPUTUSAN MUKTAMAD MENGENAI KERUSI YANG BAKAL DITANDINGI. -- BERNAMA

1716MST 23 07 86